

27/10/1999

## Kerajaan hantar bantuan ke Timor Timur

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan menghantar bantuan kemanusiaan membabitkan bekalan keperluan perubatan dan makanan bernilai kira-kira RM380,000 (US\$100,000) ke wilayah Timor Timur, pagi ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata bantuan kemanusiaan bagi pelarian di wilayah itu dihantar dengan pesawat Tentera Udara Dirja Malaysia (TUDM) dan dijangka akan mendarat di Jakarta terlebih dulu sebelum bergerak ke wilayah berkenaan.

"Bantuan itu dihantar dengan pesawat Charlie 130 milik TUDM turut disertai oleh pegawai dari Wisma Putra," katanya di Wisma Putra hari ini.

Bantuan yang dihantar ke wilayah itu bertujuan mengurangkan beban penderitaan pelarian di sana.

Ditanya sama ada Malaysia akan menghantar pasukan keselamatan di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke wilayah itu, Syed Hamid berkata negara sudah menawarkan diri bagaimanapun masih belum menerima maklumat lanjut berkenaan bentuk dan jumlah anggota yang diperlukan.

"Semalam, Majlis Keselamatan PBB sudah meluluskan satu resolusi untuk menubuhkan sebuah Pentadbiran Peralihan PBB di Timor Timur (Unteat) yang membabitkan pelantikan seorang ketua dari kalangan orang awam.

"Resolusi berkenaan juga merangkumi pembentukan tiga komponen dalam Unteat oleh PBB di wilayah berkenaan yang terdiri daripada komponen orang awam, tentera dan pasukan bantuan kemanusiaan," katanya.

Selain itu, Syed Hamid mengumumkan lawatan Presiden Indonesia, Gus Dur yang baru menerajui republik itu ke negara ini dalam rangka lawatan ke negara Asean.

Gus Dur dalam rangka lawatan itu dijangka turut disertai beberapa menterinya yang baru, katanya.

"Bagaimanapun kita belum mengetahui maklumat lanjut dan tarikh sebenar lawatan beliau itu," katanya.

Syed Hamid turut mengumumkan lawatan kerja sehari Perdana Menteri Thailand, Chuan Leekpai ke Alor Star, Kedah untuk menyaksikan acara menandatangani perjanjian penjualan gas antara Malaysia (Petronas Carigali) dan Thailand (Pihak Berkuasa Petroleum Thailand) pada 30 Oktober ini.

Beliau menjangkakan pertemuan kedua-dua pemimpin negara Asean itu dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika lawatan masing-masing turut menjurus kepada perbincangan membabitkan perhubungan dua hala dan kepentingan bersama di rantau ini.

(END)